



GARIS PANDUAN GRADUAN MAJLIS KONVOKESYEN 2019 POLITEKNIK BANTING SELANGOR

Majlis Konvokesyen 2019 akan diadakan pada **16 Mac 2019 (Sabtu)** jam 8.00 pagi bertempat di **Dewan Za'aba, Presint 5, Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya**. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama para Graduan untuk mengambil tindakan-tindakan berikut. Sila baca dengan teliti panduan dan peraturan yang telah digariskan.

1. JAWAPAN KEHADIRAN

1.1 Pengesahan Kehadiran Melalui Penasihat Akademik

membuat pengesahan kehadiran kepada Penasihat Akademik (PA) masing-masing **sebelum atau pada 15 Febuari 2019**.

1.2 Graduan Yang Hadir

Graduan yang bersetuju untuk menghadiri majlis konvokesyen ini perlu mengikut arahan-arahan berikut :

1.2.1 Mengisi Surat Jawapan Kehadiran (**AKAN HADIR**).

1.2.2 Membuat pembayaran ke akaun **KOPERASI POLITEKNIK BANTING SELANGOR BERHAD (No akaun: 12074010066261)** berjumlah **RM230.00** di mana-mana cawangan **BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)** dengan menggunakan slip wang masuk "bill payment" yang boleh didapati dari bank BIMB. Sila tuliskan **Nama, No Pendaftaran Pelajar** dan **No. Kad Pengenalan** di bahagian belakang **salinan slip pembayaran** bank tersebut.



1.2.3 Menghantar **Surat Jawapan Kehadiran** dan **salinan slip pembayaran** yang sudah ditulis di bahagian belakang:

- i. Nama Graduan
- ii. No Pendaftaran Pelajar
- iii. No. Kad Pengenalan

Sila **KEMBALIKAN BORANG JAWAPAN SERTA SLIP BAYARAN** sebelum atau pada **15 Febuari 2019** tersebut ke:

**Urusetia Pengurusan Graduan
Majlis Konvokesyen 2019
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Banting Selangor
Persiaran Ilmu, Jalan Sultan Abdul Samad,
42700 Banting, Selangor
(u/p : Pn. Aiza Shairyna Mohd Amin)**

1.2.4 Mengisi soal selidik kajian Pengesanan Graduan. Sila rujuk perkara 2, **KAJIAN PENGESANAN GRADUAN** pada muka surat 3.

1.3 Graduan Yang Tidak hadir

Graduan yang tidak menghadiri Majlis Konvokesyen 2019 perlu mengambil tindakan-tindakan berikut:

1.2.1 Mengisi Surat Jawapan Kehadiran (**TIDAK HADIR**)

1.2.2 Membuat pembayaran ke akaun **KOPERASI POLITEKNIK BANTING SELANGOR BERHAD (No akaun: 12074010066261)** berjumlah **RM130.00** di mana-mana cawangan **BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)** dengan menggunakan slip wang masuk “bill payment” yang boleh didapati dari bank BIMB. Sila tuliskan **Nama, No Pendaftaran Pelajar** dan **No. Kad Pengenalan** di bahagian belakang salinan slip pembayaran bank tersebut.

- 1.2.3 Mengisi soal selidik kajian Pengesanan Graduan. Sila rujuk perkara 2, **KAJIAN PENGESANAN GRADUAN** pada muka surat 3.
- 1.2.4 Menghantar **Surat Jawapan Kehadiran (TIDAK HADIR), Cetakan Slip Pengesanan Graduan** dan **salinan slip pembayaran** yang sudah ditulis Nama, No Pendaftaran Pelajar dan No. Kad Pengenalan di bahagian belakang salinan slip pembayaran bank tersebut **sebelum atau pada 15 Febuari 2019** ke:

Pengurusan Graduan Majlis Konvokesyen 2019
Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Banting Selangor
Persiaran Ilmu, Jalan Sultan Abdul Samad,
42700 Banting, Selangor
(u/p : Pn. Aiza Shairyna Mohd Amin)

2. SISTEM KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SKPG)

Bermula **15 FEBRUARI 2019** sehingga **24 MAC 2019** para graduan boleh melayari laman **Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)** dan mengisi soal selidik secara atas talian (online) di <http://graduan.moe.gov.my/skpgtvvet> . Graduan yang **DIWAJIBKAN** mengisi SKPG ialah graduan yang telah **BEKERJA**. Graduan dikira bekerja sekiranya menepati ciri-ciri berikut:-

- i) Bekerja / **Pernah Bekerja** (Tetap, Kontrak, Sementara)
- ii) Usahawan / Bekerja sendiri contoh perniagaan online
- iii) Meningkatkan kemahiran (mengambil sijil kemahiran)
- iv) Menunggu penempatan kerja (telah interview kerja)
- v) Bekerja dengan ahli keluarga contoh (menolong ibu bapa berniaga di pasar / menjadi pengasuh bayi saudara)
- vi) Melanjutkan pengajian

LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL

<u>GRADUAN BEKERJA</u>	<u>GRADUAN BELUM BEKERJA</u>
<p>i- Isi borang Kajian Pengesanan Graduan secara online di laman web http://graduan.moe.gov.my/skpgtvvet bermula</p> <ul style="list-style-type: none"> • 15 Februari - 14 Mac 2019 (Hadir) • 15 Februari – 24 Mac 2019 (Tidak Hadir) <p>ii- Kepada graduan yang akan menghadiri konvokesyen, sila Printscreen dan emel bukti soal kaji selidik kepada teoh@polibanting.edu.my</p> <p>iii- CETAK bukti soal kaji selidik tersebut dan membawa 'hardcopy print' semasa pendaftaran konvokesyen pada 15 Mac 2019 untuk disahkan oleh Pegawai <i>Tracer Study</i>.</p>	<p>i- Graduan perlu mengisi Borang SKPG secara manual bersama Pegawai <i>Tracer Study</i> semasa pendaftaran konvokesyen pada 15 Mac 2019.</p>
<p>*Kegagalan graduan menepati prosedur di atas akan menyulitkan proses pendaftaran konvokesyen. GRADUAN YANG TIDAK BEKERJA TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI MENGISI SECARA ONLINE.</p> <p>** Pengisian SKPG selepas tarikh 12 MAC 2019 hanya dibenarkan kepada graduan yang TIDAK DAPAT menghadiri konvokesyen sahaja, harap maklum.</p>	

3. PENDAFTARAN RAPTAI, ANUGERAH KETUA JABATAN DAN PENYAMPAIAN SIJIL IGSA

- 3.1 Semua Graduan yang hadir ke Majlis Konvokesyen 2019 **WAJIB** menghadiri upacara Raptai Konvokesyen dan Anugerah Ketua Jabatan yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Raptai Konvokesyen

Tarikh : 15 Mac 2019 (Jumaat)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Dewan Za'aba, Kementerian Pendidikan
Malaysia, Putrajaya.

Anugerah Pingat Ketua Jabatan Dan Penyampaian Sijil IGSA

Tarikh : 15 Mac 2019 (Jumaat)
Masa : 2.30 ptg
Tempat : Dewan Za'aba, Kementerian Pendidikan
Malaysia, Putrajaya.

- 3.2 Graduan **WAJIB** menghadiri raptai pada waktu yang telah ditetapkan.
- 3.3 Penampilan diri hendaklah kemas dan bersopan sebagai graduan (berpakaian formal).
- 3.4 Graduan tidak akan dibenarkan menyertai majlis konvokesyen sekiranya:
- i) Tidak mendaftar semasa raptai
 - ii) Tidak menghadiri raptai.

4. IBUBAPA/ TETAMU GRADUAN

- 4.1 Bilangan tetamu atau ibubapa graduan yang dibenarkan masuk ke dalam Dewan Majlis Konvokesyen adalah **seramai 2 orang sahaja** bagi setiap graduan.
- 4.2 Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk ke dewan.
- 4.3 Ibubapa/ tetamu jemputan perlu berpakaian rasmi dan sopan semasa berada di Dewan Majlis Konvokesyen.



- 4.4 Ibubapa/ tetamu Graduan perlu berada di dewan Majlis Konvokesyen selewat-lewatnya pada pukul **9.00 pagi**. Pintu masuk dewan akan ditutup setengah jam sebelum majlis bermula bagi melancarkan majlis.
- 4.5 Ibubapa/ tetamu graduan perlu menunjukkan **pas masuk** Majlis Konvokesyen 2019 untuk masuk ke dalam dewan.

5. JUBAH KONVOKESYEN

5.1 Peminjaman Jubah

5.1.1 Peminjaman jubah boleh dibuat pada ketetapan berikut:

Tarikh : 15 Mac 2019
Masa : 11.00 -12.30 tgh
Tempat : Perkarangan Dewan Za'aba

5.2 Pemulangan Jubah

5.2.1 Jubah Konvokesyen hendaklah dipulangkan pada Ketetapan berikut:

Tarikh : 16 Mac 2019
Masa : 2.00 hingga 4.00 petang
Tempat : Perkarangan Dewan Za'aba

ATAU

Tarikh : 18 Mac 2019
Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : JHEP, Politeknik Banting Selangor

5.2.2 Kegagalan memulangkan jubah akan menyebabkan Diploma dan transkrip anda ditahan.

5.2.3 Para graduan akan dikenakan denda seperti berikut sekiranya:

Kadar (RM)	Keadaan
RM30.00 Sehari	Pemulangan lewat
RM300.00	Jubah Rosak

6. PERATURAN PAKAIAN GRADUAN

Peraturan pakaian Graduan Majlis Konvokesyen 2019 adalah seperti berikut:

6.1 Pakaian **graduan lelaki :**

- i. Baju kebangsaan yang lengkap (songkok, seluar, sampung dan kasut berwarna hitam/gelap serta berstoking)

ATAU

- ii. Kemeja lengan panjang berwarna cerah beserta dengan tali leher, seluar panjang berwarna hitam dan kasut bertutup berwarna hitam/gelap dan berstoking.

DAN

- iii. Rambut kemas dan pendek. Graduan yang berambut panjang/berkekor/berwarna-warni tidak akan dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.

6.2 Pakaian **graduan perempuan :**

- i. Pakaian kebangsaan (baju kurung atau kebaya panjang-warna bebas) dan **berkasut bertutup bewarna hitam/gelap**. Memakai tudung bagi yang beragama islam.
- ii. Graduan yang memakai pakaian yang tidak sopan/menjolok mata, jarang, berbelah, ketat dan mendedahkan aurat tidak akan dibenarkan menyertai majlis konvokesyen.

6 PENGAMBILAN TRANSKRIP DAN DIPLOMA

- 7.1 Para Graduan boleh mengambil Transkrip dan Diploma masing-masing pada **16 Mac 2019 (Sabtu) bermula jam 2.00 hingga 4.00 Petang.**
- 7.2 Para Graduan hendaklah mengemukakan borang pemulangan jubah sebagai bukti semasa menuntut Transkrip dan Diploma.
- 7.3 Bagi Graduan yang tidak menghadiri majlis konvokesyen boleh menuntut Transkrip dan Diploma mereka secara:
- i. Menuntut sendiri di Unit Peperiksaan, Politeknik Banting dengan mengemukakan salinan slip bayaran konvokesyen.
- ATAU
- ii. Transkrip dan Diploma yang tidak dituntut akan terus disimpan oleh Unit Peperiksaan, Politeknik Banting.

7. ATURCARA MAJLIS KONVOKESYEN 2019 POLITEKNIK BANTING SELANGOR

TARIKH : 16 Mac 2019
 HARI : SABTU
 MASA : 8.00 pagi – 2.00 petang
 TEMPAT : DEWAN ZAABA, PRESINT 5, KPM

MASA	ATURCARA
8.45 pg	Pendaftaran Graduan
9.00 pg	Para jemputan mengambil tempat
9.15 pg	Ketibaan Dif-Dif Jemputan
9.30 pg	Perarakan graduan masuk ke dewan
9.45 pg	Ketibaan Tetamu Kehormat
10.00 pg	Perarakan Masuk Akademik Nyanyian Lagu Negaraku Bacaan Doa Ucapan Aluan Pengarah Politeknik Banting Ucapan Tetamu Kehormat Tayangan Multimedia Penganugerahan Diploma, Projek Terbaik, & Graduan Cemerlang kepada Politeknik Banting Selangor Sesi Dis 2017 Persembahan Penganugerahan Diploma, Projek Terbaik, & Graduan Cemerlang kepada Politeknik Banting Selangor Sesi Jun 2018 Penyampaian cenderamata Pengishtiharaan Alumni Nyanyian Lagu Politeknik Malaysia Perarakan Akademik keluar dewan